

**A. MAKLUMAT & MANFAAT PRODUK**
**1. Apakah MikroSayang?**

MikroSayang adalah pelan Takaful Bertempoh Berkelompok yang boleh diperbaharui setiap tahun bagi tujuan perlindungan yang menyediakan pembayaran manfaat sekaligus apabila berlakunya peristiwa-peristiwa ini:

- **Manfaat Kematian akibat Kemalangan:** kematian Orang yang Dilindungi yang disebabkan oleh Kemalangan semasa tempoh perlindungan, dan/atau
- **Manfaat Kematian/Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK):** kematian atau HUPK (tertakluk kepada Tempoh Kesinambungan HUPK) pada Orang yang Dilindungi semasa tempoh perlindungan, dan/atau
- **Manfaat Hospitalisasi:** kemasukan ke hospital Orang yang Dilindungi di Hospital Panel semasa tempoh perlindungan, dan/atau
- **Manfaat Penyakit Kritis:** Penyakit Kritis Orang Yang Dilindungi semasa tempoh perlindungan.

Terdapat 6 pelan yang boleh dipilih oleh Peserta untuk memberikan perlindungan bagi Orang yang Dilindungi:

- **Pelan A:** Manfaat Kematian akibat Kemalangan dan Manfaat Hospitalisasi
- **Pelan B:** Manfaat Kematian akibat Kemalangan dan Manfaat Penyakit Kritis
- **Pelan C:** Manfaat Kematian akibat Kemalangan, Manfaat Hospitalisasi dan Manfaat Penyakit Kritis
- **Pelan A<sup>+</sup>:** Manfaat Kematian/HUPK dan Manfaat Hospitalisasi
- **Pelan B<sup>+</sup>:** Manfaat Kematian/HUPK dan Manfaat Penyakit Kritis
- **Pelan C<sup>+</sup>:** Manfaat Kematian/HUPK, Manfaat Hospitalisasi dan Manfaat Penyakit Kritis.

Sijil ini ditajajamin oleh Great Eastern Takaful Berhad. MikroSayang merupakan produk Perlindungan Tenang.

**2. Apakah manfaat-manfaat di bawah produk ini?**

Manfaat berikut akan dibayar dari Dana Tabarru' kepada Peserta apabila berlakunya kejadian yang dilindungi pada Orang yang Dilindungi, dengan enam (6) pilihan pelan yang boleh dipilih:

Manfaat	Jumlah Dibayar (RM)		
	Pelan A/A <sup>+</sup>	Pelan B/B <sup>+</sup>	Pelan C/C <sup>+</sup>
<b>Manfaat Kematian akibat Kemalangan (<i>Ini hanya terdapat bagi Pelan A/B/C</i>)</b> Ini akan dibayar sekiranya berlaku kematian Orang yang Dilindungi akibat Kemalangan semasa tempoh perlindungan.	5,000	5,000	5,000
<b>Manfaat Kematian/HUPK (<i>Ini hanya terdapat bagi Pelan A<sup>+</sup>/B<sup>+</sup>/C<sup>+</sup></i>)</b> Ini akan dibayar sekiranya berlaku kematian/HUPK Orang yang Dilindungi semasa tempoh perlindungan.	5,000	5,000	5,000
<b>Manfaat Hospitalisasi</b> Jumlah harian akan dibayar, sehingga maksimum 14 hari setahun atau RM 700 setahun, apabila Orang yang Dilindungi dimasukkan ke hospital di Hospital Panel <sup>1</sup> selama tempoh perlindungan. Hospitalisasi mestilah sekurang-kurangnya satu malam, di mana tarikh keluar mestilah tidak sama dan selepas dari tarikh masuk.	50 manfaat harian	-	50 manfaat harian
<b>Manfaat Penyakit Kritis</b> Ini akan dibayar sekiranya berlaku salah satu daripada Penyakit Kritis ("Kejadian yang Dilindungi") <sup>2</sup> kepada Orang yang Dilindungi semasa tempoh perlindungan. Diagnosis Kejadian yang Dilindungi mesti disahkan oleh Doktor dari Hospital Panel di mana rawatan dicari. Faedah ini hanya dibayar sekali sepanjang hayat Orang yang Dilindungi, di mana Manfaat Penyakit Kritis akan terbatal apabila tuntutan bagi Kejadian yang Dilindungi dibayar dan Orang yang Dilindungi tidak boleh menyertai di dalam perlindungan Penyakit Kritis yang baru di bawah pelan ini. Namun, Orang yang Dilindungi yang sama boleh menyertai di dalam Pelan A atau A <sup>+</sup> .	-	5,000	5,000

**B. PENYERTAAN DALAM TAKAFUL**
**1. Bagaimanakah untuk saya menjadi layak bagi perlindungan ini?**

Produk ini ditawarkan di dalam laman web MikroSayang dan boleh disertai oleh mereka yang memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti di bawah:

- umur kemasukan di antara sembilan belas (19) tahun sehingga lima puluh lima (55) tahun hari lahir berikutnya;
- merupakan rakyat Malaysia; dan
- berjaya melengkapkan pendaftaran untuk perlindungan ini melalui laman web MikroSayang.

<sup>1</sup> Hospital Panel merujuk kepada semua hospital kerajaan yang berdaftar termasuk hospital Universiti dan Tentera. Tuntutan bagi kemasukan di dalam hospital swasta akan ditolak.

<sup>2</sup> Merujuk kepada Penyakit Kritis yang tersenarai di dalam Apendiks 1.



## MikroSayang

### SOALAN LAZIM

#### 2. Bagaimakah untuk saya menyertai dalam MikroSayang?

Anda mestilah memenuhi syarat-syarat kelayakan dan melengkapkan pendaftaran bagi **MikroSayang** melalui laman web yang ditetapkan.

#### 3. Adakah saya perlu menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum saya boleh menyertai dalam MikroSayang?

Anda tidak perlu menjalani sebarang pemeriksaan kesihatan.

#### 4. Bolehkah saya mendapatkan perlindungan tanpa pendaftaran bagi perlindungan MikroSayang melalui laman web?

Tidak, produk ini hanya boleh disertai melalui laman web MikroSayang.

#### 5. Bolehkah saya membatalkan perlindungan MikroSayang?

Anda boleh membatalkan sijil dalam tempoh lima belas (15) hari daripada penghantaran sijil anda. Kami akan membayar balik caruman menyamai nilai caruman yang telah dibayar, dengan syarat tiada tuntutan yang dibuat di bawah perlindungan anda. Anda boleh emel secara langsung kepada [MikroSayang@greateasterntakaful.com](mailto:MikroSayang@greateasterntakaful.com) bagi pembatalan perlindungan anda.

Namun, anda tidak akan menerima pembayaran balik caruman apabila pembatalan dilakukan selepas lima belas (15) hari Tempoh Rujukan Percuma. Walaupun dibatalkan, perlindungan tetap akan diteruskan sehingga akhir tarikh caruman perlu dibayar yang berikutnya.

#### 6. Apakah butiran perhubungan jika saya mempunyai sebarang pertanyaan umum dan/atau pertanyaan berkenaan sijil?

Bagi pertanyaan umum atau berkenaan dengan produk ini, anda boleh emel kami di [MikroSayang@greateasterntakaful.com](mailto:MikroSayang@greateasterntakaful.com).

#### 7. Bagaimakah data peribadi saya diproses?

Sebaik sahaja anda bersetuju untuk menyertai produk ini, maklumat anda akan dihantar melalui saluran yang dijamin kepada Great Eastern Takaful Berhad bagi proses selanjutnya yang selaras dengan peraturan Akta Perlindungan Data Peribadi. Bagi maklumat lanjut tentang Notis Perlindungan Data Peribadi, sila kunjungi laman web kami di [www.MikroSayang.com](http://www.MikroSayang.com).

#### 8. Bolehkah saya menyertai produk ini melalui ejen?

Produk ini hanya boleh disertai melalui laman web MikroSayang.

#### 9. Bolehkah saya membuat perubahan terhadap tarikh berkuat kuasa sijil bagi perlindungan saya selepas saya telah menyertai produk ini?

Tarikh berkuat kuasa sijil tidak boleh diubah selepas anda telah menyertai produk ini.

### C. PERLINDUNGAN

#### 1. Berapa lamakah tempoh perlindungan ini?

**MikroSayang** menyediakan perlindungan selama dua belas (12) bulan.

#### 2. Bilakah perlindungan MikroSayang saya akan bermula?

Perlindungan anda akan bermula pada tarikh yang dinyatakan di dalam emel pengesahan yang akan disampaikan kepada anda selepas penyertaan berjaya.

#### 3. Adakah saya akan diberitahu apabila perlindungan saya bermula?

Ya, kami akan memberitahu anda setelah anda telah berjaya mendaftar untuk **MikroSayang** ini dengan menghantar emel pemberitahuan pengesahan kepada anda bersama-sama dengan maklumat perlindungan anda.

#### 4. Adakah saya dibenarkan untuk menyertai lebih daripada satu (1) perlindungan MikroSayang dalam satu masa?

Setiap Orang yang Dilindungi dibenarkan untuk menyertai sehingga maksima dua (2) pelan **MikroSayang** dalam satu masa di mana hanya satu (1) pelan sahaja yang dibenarkan bagi setiap Orang yang Dilindungi di bawah kategori berikut:

- Kategori 1 – Pelan A atau C atau A<sup>+</sup> atau C<sup>+</sup>; dan
- Kategori 2 – Pelan B atau B<sup>+</sup>.

Rumusan bagi jumlah manfaat dan jumlah caruman tahunan di bawah kombinasi pelan yang tersedia adalah seperti berikut:

Pelan	Manfaat Kematian akibat Kemalangan	Manfaat Kematian/HUPK	Manfaat Hospitalisasi	Manfaat Penyakit Kritikal	Caruman Tahunan
Pelan A & B	RM 10,000	-	RM 50 manfaat harian	RM 5,000	RM 100.00
Pelan C & B	RM 10,000	-	RM 50 manfaat harian	RM 10,000	RM 140.00
Pelan A <sup>+</sup> & B	RM 5,000	RM 5,000	RM 50 manfaat harian	RM 5,000	RM 125.00
Pelan C <sup>+</sup> & B	RM 5,000	RM 5,000	RM 50 manfaat harian	RM 10,000	RM 170.00



# MikroSayang

## SOALAN LAZIM

Pelan	Manfaat Kematian akibat Kemalangan	Manfaat Kematian/HUPK	Manfaat Hospitalisasi	Manfaat Penyakit Kritikal	Caruman Tahunan
Pelan A & B <sup>+</sup>	RM 5,000	RM 5,000	RM 50 manfaat harian	RM 5,000	RM 125.00
Pelan C & B <sup>+</sup>	RM 5,000	RM 5,000	RM 50 manfaat harian	RM 10,000	RM 165.00
Pelan A <sup>+</sup> & B <sup>+</sup>	-	RM 10,000	RM 50 manfaat harian	RM 5,000	RM 150.00
Pelan C <sup>+</sup> & B <sup>+</sup>	-	RM 10,000	RM 50 manfaat harian	RM 10,000	RM 195.00

### D. CARUMAN

1. **Berapakah caruman yang perlu saya bayar?**

Anda perlu membayar caruman bergantung kepada pelan **MikroSayang** yang telah anda pilih. Sila rujuk Jadual Caruman, bagi caruman yang dibayar bagi setiap pilihan pelan seperti yang dinyatakan di bawah.

Caruman mengikut Pelan (RM)	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan A <sup>+</sup>	Pelan B <sup>+</sup>	Pelan C <sup>+</sup>
<b>Bulanan</b>	4.20	4.20	7.50	6.25	6.25	10.00
<b>Suku Tahunan</b>	12.50	12.50	22.50	18.75	18.75	30.00
<b>Setengah Tahunan</b>	25.00	25.00	45.00	37.50	37.50	60.00
<b>Tahunan</b>	50.00	50.00	90.00	75.00	75.00	120.00

Sila pastikan anda membayar caruman di dalam masa yang ditetapkan. Tempoh tenggang sehingga tiga puluh (30) hari dari setiap tarikh Caruman berikut yang perlu dibayar adalah dibenarkan untuk membayar Caruman yang selanjutnya. Perlindungan akan terbatal selepas Tempoh Tenggang berakhir.

2. **Bagaimanakah saya boleh membuat bayaran caruman bagi perlindungan MikroSayang?**

Anda boleh membuat bayaran caruman secara kad kredit/debit, FPX atau tunai di Mydin atau KK Mart.

3. **Adakah terdapat yuran atau caj tambahan bagi perlindungan ini?**

Tiada caj tambahan lain di bawah perlindungan ini selain daripada jumlah caruman yang dinyatakan di atas.

### E. PENGECUALIAN

1. **Apakah keadaan kejadian yang dikecualikan di bawah perlindungan MikroSayang?**

Anda boleh merujuk kepada senarai pengecualian bagi Manfaat Kematian/HUPK, Kematian akibat Kemalangan, Hospitalisasi dan Penyakit Kritikal di dalam Risalah Pemberitahuan Produk. Anda juga boleh merujuk kepada Sijil Induk atau Sijil Takaful bagi maklumat lanjut.

### F. PERKHIDMATAN SIJIL

1. **Bagaimanakah untuk saya memeriksa status permohonan saya?**

Anda akan menerima emel pengesahan bersama-sama dengan maklumat perlindungan anda termasuk Sijil Takaful, Risalah Pemberitahuan Produk dan Soalan Lazim kepada alamat emel berdaftar anda bagi rujukan selanjutnya, sejurus selepas anda telah melengkapkan pendaftaran bagi perlindungan **MikroSayang**.

2. **Jika saya membatalkan perlindungan MikroSayang saya, adakah saya layak menerima sebarang nilai serahan tunai?**

MikroSayang merupakan produk perlindungan penuh dan tidak memberikan sebarang nilai serahan tunai.

3. **Bagaimanakah saya boleh menghubungi Great Eastern Takaful Berhad jika saya mempunyai sebarang pertanyaan?**

Bagi pertanyaan umum dan yang berkenaan dengan sijil, anda boleh emel secara langsung kepada kami di [MikroSayang@greateasterntakaful.com](mailto:MikroSayang@greateasterntakaful.com).

4. **Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya/penama selepas saya menyertai perlindungan MikroSayang?**

Sila pastikan semua maklumat peribadi anda adalah lengkap dan tepat sebelum penyertaan anda. Anda hendaklah memaklumkan kepada kami jika terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat peribadi anda setelah penyertaan anda di dalam perlindungan **MikroSayang**.

**G. PENAMAAN****1. Bagaimakah untuk saya mencalonkan penama atau benefisiari?**

Dimana berkenaan, Anda atau Orang yang Dilindungi boleh mencalonkan satu atau lebih individu untuk menerima faedah Takaful yang perlu dibayar setelah kematian Anda / Orang yang Dilindungi,

- sebagai Pelaksana (wasi), atau
- sebagai benefisiari di bawah Hibah Bersyarat, mengikut peratusan yang ditentukan.

Borang Penamaan /Penukaran Penama yang boleh di muat turun dari laman web Kami: [www.mikrosayang.com](http://www.mikrosayang.com) dan emel kepada Kami borang yang lengkap diisi di [MikroSayang@greateasterntakaful.com](mailto:MikroSayang@greateasterntakaful.com).

Sekiranya tiada penamaan, atau penama(-penama) yang dinamakan meninggal dunia sebelum Anda / Orang yang Dilindungi, manfaat Takaful akan menjadi sebahagian daripada harta pusaka Anda / Orang yang Dilindungi dan tiada penama baru dibuat dan akan diagihkan mengikut undang-undang pembahagian yang terpakai.

**2. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya/penama?**

Anda hendaklah memaklumkan kepada Kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan anda/penama bagi memastikan semua surat-menurat dapat diserahkan kepada anda/penama sepatutnya.

**H. TUNTUTAN****1. Bagaimakah untuk saya membuat tuntutan?**

Anda boleh menghantar Borang Tuntutan yang lengkap dan dokumen-dokumen melalui Laman Web MikroSayang: [www.mikrosayang.com](http://www.mikrosayang.com). Untuk membuat tuntutan, sila ikut panduan langkah berikut untuk setiap jenis manfaat:

- Jika anda membuat tuntutan bagi **manfaat Penyakit Kritikal**, sila pilih "Tuntutan Penyakit Kritikal" di bawah senarai juntai bawah dan sediakan semua dokumen yang diperlukan bagi jenis tuntutan ini;
- Jika anda membuat tuntutan bagi **manfaat Hospitalisasi**, sila pilih "Tuntutan Hospitalisasi" di bawah senarai juntai bawah dan sediakan semua dokumen yang diperlukan bagi jenis tuntutan ini;
- Jika anda membuat tuntutan bagi **manfaat Hilang Upaya Penuh dan Kekal**, sila pilih "Tuntutan Hilang Upaya Penuh dan Kekal" di bawah senarai juntai bawah dan sediakan semua dokumen yang diperlukan bagi jenis tuntutan ini; atau
- Jika anda membuat tuntutan bagi **manfaat Kematian atau Kematian akibat Kemalangan**, sila hubungi kami di [MikroSayang@greateasterntakaful.com](mailto:MikroSayang@greateasterntakaful.com) untuk mendapatkan Borang Tuntutan dan dokumen-dokumen yang diperlukan. Kami akan berusaha sebaik-baiknya untuk kembali kepada anda secepat mungkin.

Jika terdapat percanggahan di dalam dokumen ini; manfaat, terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Sijil Induk akan digunakan.



**MikroSayang**

SOALAN LAZIM

**APENDIKS 1**

(1)	Penyakit Alzheimer/Demensia Teruk	(26)	Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang
(2)	Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari	(27)	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
(3)	Sindrom Apalik (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan)	(28)	Hilang Keupayaan Bertutur
(4)	Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	(29)	Trauma Kepala Major (teruk) – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
(5)	Tumor Otak Benign – keterangan tertentu	(30)	Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang
(6)	Buta – Kekal dan Tidak boleh Pulih	(31)	Penyakit Sistik Medular
(7)	Pembedahan Otak	(32)	Tuberkulosis Meningeal
(8)	Kanser – keterangan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal	(33)	Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan
(9)	Kardiomiopati – keterangan tertentu	(34)	Sklerosis Multipel
(10)	Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang	(35)	Distrofi Otot
(11)	Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik	(36)	Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan
(12)	Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan	(37)	Kelumpuhan Anggota
(13)	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	(38)	Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
(14)	Penyakit Creutzfeldt-Jakob (CJD) (Penyakit Lembu Gila)	(39)	Poliomielitis
(15)	Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih	(40)	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterangan tertentu
(16)	Demam Hemoragik Ebola	(41)	Skleroderma Progresif
(17)	Elefantiasis (Penyakit Untut)	(42)	Penyakit Anjing Gila
(18)	Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	(43)	Penyakit Arteri Koronari Serius
(19)	Kegagalan Hati Tahap Akhir	(44)	Sindrom Eisenmenger yang Teruk
(20)	Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	(45)	Hemofilia yang Teruk
(21)	AIDS Dengan Gejala Penuh	(46)	Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan
(22)	Hepatitis Viral Fulminan	(47)	Pembedahan Aorta
(23)	Serangan Jantung – keterangan tertentu	(48)	Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
(24)	Pembedahan Injap Jantung	(49)	Penyakit Terminal (Membawa Maut)
(25)	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah	(50)	Kelecuran Tahap Ketiga – keterangan tertentu